SEJARAH PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI NEGERI SELANGOR

THE HISTORY OF TIN MINING IN THE STATE OF SELANGOR

Pada awal abad ke-19, Kuala Selangor merupakan pusat perdagangan negeri Selangor. Keadaan mulai berubah apabila Sultan Ibrahim ibni Sultan Salehuddin (Sultan Selangor kedua, 1782-1826) menumpukan perlombongan bijih timah di sekitar lembangan Sungai Klang (daerah Klang), Sungai Lukut (daerah Lukut) dan Sungai Bidor (daerah Bidor) yang bertujuan memperdagangkan bijih timah ke Melaka dan Pulau Pinang. Ketika Selangor diterajui oleh Sultan Muhammad ibni Sultan Ibrahim (Sultan Selangor ketiga, 1826-1857) mengurniakan jawatan kepada Raja Hassan bin Raja Nala sebagai Orang Besar Daerah Lukut (1826-1834), Raja Jaffar bin Raja Ali sebagai Orang Besar Daerah Lukut (1834/1835-1846) dan Raja Jumaat bin Raja Jaffar sebagai Orang Besar Daerah Lukut (1846-1864) menyebabkan daerah Lukut terkenal sebagai kawasan yang kaya dengan bijih timah. Selain daerah Lukut, perlombongan bijih timah dijalankan di hulu-hulu lembangan Sungai Selangor (daerah Selangor), Sungai Langat (daerah Langat) dan Sungai Klang.

Pada tahun 1850, daerah Klang pula menjadi pengeluar utama hasil bijih timah apabila Sultan Muhammad mengurniakan jawatan kepada Raja Abdullah bin Raja Jaffar, adinda Raja Jumaat, sebagai Orang Besar Daerah Klang (1850-1867). Pada ketika itu juga, daerah Klang mula berkembang dan ekonomi negeri Selangor lebih bergantung kepada pengeluaran bijih timah. Kemasukan British telah memberi dimensi baharu dalam bidang perlombongan bijih timah di Selangor kerana pihak British lebih menumpukan kegiatan ekonomi yang berorientasikan eksport dan pengeluaran hasil bijih timah. Pengenalan kepada penggunaan kapal korek dan pam kelikir secara meluas di lombong-lombong bijih timah bagi menggantikan teknik seperti mendulang yang memakan masa yang lama membolehkan hasil pengeluaran bijih timah yang diperolehi meningkat berlipat ganda.



In the early 19th century, Kuala Selangor was the trading centre of Selangor. Things started to change when Sultan Ibrahim ibni Salehuddin (second Sultan of Selangor, 1782-1826) started to focus on the tin ore mining around the Klang river basin (Klang district), Lukut River (Lukut district) and Bidor River (Bidor district) with the aim of trading tin ore to Malacca and Penang. When Selangor was ruled by Sultan Muhammad ibni Sultan Ibrahim (third Sultan of Selangor, 1826-1857) he granted a position to Raja Hassan bin Raja Nala as the Orang Besar of Lukut District (1826-1834), Raja Jaffar bin Raja Ali as the Orang Besar of Lukut District (1834/1835-1846) and Raja Jumaat bin Raja Jaffar as the Orang Besar of Lukut District (1846-1864) and it made Lukut district famous as an area rich with tin ore. Besides Lukut district, tin ore mining was also carried out upstream of the Selangor River basin (Selangor district), Langat River (Langat district) and Klang River.

In 1850, the Klang district became the main production of tin ore when Sultan Muhammad bestowed the position to Raja Abdullah bin Raja Jaffar, the brother to Raja Jumaat, as the Orang Besar in Klang District (1850-1867). At the time, the Klang district began developing and Selangor's economy became more dependent on the production of tin ore. When the British came, they gave a whole new dimension to the tin ore mining in Selangor because the British focused more on economical activities that were more export oriented as well as the tin ore production. The introduction of the use of dredges and gravel pumps to replace techniques like panning allowed for a significant increase in tin ore production.